

PERILAKU SINTAKSIS DAN SEMANTIK KATA *SUDAH* DAN *TELAH* DALAM AYAT AKTIF BAHASA MELAYU

Siti Rashidah Binti Bahrulddinⁱ & Solakhiah Januriⁱⁱ

ⁱ (*Pengarang Bersama*). Pelajar, KDU Penang University College. siti.rashidah@kdupg.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Universiti Sains Malaysia. solakhiah@usm.my; solakhiah@gmail.com

Abstrak

Makalah ini merupakan pengubahsuaian daripada tesis yang bertujuan untuk meneliti perilaku kata *sudah* dan *telah* dari aspek sintaksis dan semantik dalam ayat penyata aktif bahasa Melayu. Penelitian tersebut dilakukan dengan memanfaatkan konsep-konsep asas sintaksis daripada Teori Prinsip dan Parameter dan konsep aspek, modalitas dan jenis situasi daripada karya Vendler. Kajian ini memanfaatkan data korpus yang terdiri daripada akhbar Utusan Online 2009-2011, data korpus DBP-UKM, lima novel terpilih Alaf 21 dan ayat cuplikan. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara kata *sudah* dan *telah* dalam konteks tertentu. Dari segi sintaksis dan semantik, kata *telah* memperlihatkan distribusi yang sangat terhad dengan makna yang tertentu. Sebaliknya, kata 'sudah' menunjukkan distribusi yang lebih fleksibel dan mempunyai potensi untuk membentuk kategori kata lain apabila bergabung dengan morfem lain seperti 'lah'.

Kata kunci: *sudah*, *telah*, sintaksis, semantik, korpus

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan kepada tinjauan literatur terdapat beberapa pandangan yang berbeza berkaitan kata 'sudah' dan 'telah' yang sudah disedari oleh sarjana sebelum ini. Menurut Asmah Haji Omar (1993) dan Gan Kok Siong (1991) menyatakan bahawa kata 'sudah' digunakan untuk menunjukkan perbuatan atau keadaan yang sudah selesai dilakukan dengan waktu lampau yang tidak ditentukan. Sebaliknya kata 'telah' digunakan untuk menunjukkan perbuatan atau keadaan yang mungkin selesai atau mungkin belum selesai dengan ditentukan waktu lampau. Perlakuan ini menunjukkan bahawa kata 'sudah' dan 'telah' digunakan dalam situasi yang berbeza.

Bambang Kaswanti Purwo (1984) pula mempunyai pendapat yang berbeza dengan Asmah Haji Omar (1993) dan Gan Kok Siong (1991). Beliau berpendapat bahawa kata 'sudah' digunakan untuk mengungkapkan sesuatu berkaitan dengan rasa, perkara yang bukan berbentuk fakta dan berkenaan dengan tahap-tahap perkembangan menuju pencapaian. Sebaliknya, kata 'telah' pula mempunyai titik penamat iaitu dalam mengungkapkan sesuatu yang tidak berkaitan dengan rasa, perkara yang berbentuk fakta dan berkenaan dengan perbuatan atau keadaan.

Bertitik tolak daripada percanggahan pendapat dalam kalangan sarjana bahasa tentang perlakuan kata *sudah* dan *telah*, maka perlakuan sintaksis dan semantik bagi kata *sudah* dan *telah* dalam ayat penyata aktif bahasa Melayu perlu dilihat semula dengan cara yang lebih ilmiah, dengan menggunakan data korpus yang lebih besar. Kajian berdasarkan sumber data yang lebih komprehensif dan empiris perlu ditekankan.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, pengkaji mendapati terdapat perkara yang menimbulkan isu dan menjadi persoalan utama dalam kajian ini. Hal ini berkaitan dengan perbezaan dari segi sintaksis bagi kata 'sudah' dan 'telah' iaitu melibatkan kategori kata yang mengikutinya, kebolehterimaan partikel -lah selepasnya dan kehadiran kata bantu modal yang mengikutinya kata 'sudah' dan 'telah'.

2.1 Perbezaan kategori kata yang mengikutinya kata 'sudah' dan 'telah'

Menurut Bambang tiga kategori kata iaitu kata kerja, kata nama dan kata adjektif yang mengikutinya kata 'sudah' berkait rapat dengan aspek kemajuan atau pencapaian (accomplishment). Bambang mengemukakan contoh kata nama yang boleh mengikutinya kata 'sudah' seperti *professor*, *sarjana*, *mahasiswa* dan *pegawai* manakala contoh bagi kata adjektif ialah 'tua', 'besar', dan 'pandai'. Berikut diperturunkan tiga kategori kata (kata kerja, kata nama dan kata adjektif) yang mengikutinya kata sudah berdasarkan contoh kata yang dikemukakan oleh Bambang dan dikembangkan oleh pengkaji dalam bentuk ayat. Ayat di bawah dibina bagi menunjukkan dengan lebih jelas contoh kategori kata yang mengikutinya kata 'sudah':

- (1) a. Cikgu *sudah* memilih Ahmad sebagai ketua kelas 4 cecal.
(Kata Kerja)
- b. Dia *sudah* professor sekarang.
(Kata Nama)
- c. Ayah Ali *sudah* tua usianya.
(Kata Adjektif)

2.2 Perbezaan kebolehterimaan partikel -lah bagi kata 'sudah' dan 'telah'

Menurut Gan Kok Siong (1991) pula kata *sudah* juga boleh menerima kehadiran partikel -lah selepasnya. Berikut diperturunkan contoh penggunaan partikel -lah dengan kata *sudah*:

- (2) Sudahlah jangan bising! (Gan Kok Siong 1991:59)

Ringkasnya kata 'sudah' boleh menerima partikel -lah hadir selepasnya dalam ayat bahasa Melayu. Sebaliknya kata telah tidak boleh menerima partikel -lah hadir selepasnya.

2.3 Perbezaan kata bantu modal yang mengikutinya kata 'sudah' dan 'telah'

Gan Kok Siong (1991) dan Bambang Kaswanti Purwo (1981) menyatakan bahawa kata sudah dapat digabungkan dengan kata kerja modal (kehendak, kemestian, keupayaan, dan keizinan) seperti mahu, harus, mesti, boleh. Contoh yang dikemukakan oleh Gan Kok Siong (1991) dan Bambang Kaswanti Purwo (1981) berkenaan dengan kata sudah yang diikuti oleh dengan kata kerja modal (digariskan oleh pengkaji) seperti berikut:

- (3) Saya *sudah* mahu mandi tadi tetapi air di tempayan sudah habis. (Gan Kok Siong 1991:44)
- (4) Padahal seharusnya menimal paling lambat dua bulan, bank pemerintah *sudah* harus menerima laporan tentang berkurangnya deposit mereka. (Kompas 1997 dalam Bambang 1981:60).
- (5) Dia *sudah* mesti bertolak hari ini. (Gan Kok Siong 1991:44)
- (6) Anak anjing itu *sudah* boleh makan tulang. (Gan Kok Siong, 1991:44)

Kesimpulannya, kata bantu modal lebih banyak didapati bergandingan dengan kata 'sudah' berbanding dengan kata 'telah'.

3.0 METODOLOGI KAJIAN


Makalah ini menggunakan tiga jenis data yang diperoleh daripada buku-buku tatabahasa bahasa Melayu dan makalah ilmiah. Hal ini bermakna pengkaji menggunakan ayat-ayat daripada para sarjana untuk dianalisis. Selain itu, data daripada korpus berkomputer akhbar elektronik *Utusan Malaysia Online* tahun 2008 hingga 2011 dan lima buah novel alaf 21 yang terpilih iaitu *Adam dan Hawa* (Aisya Sofia, 2005), *Ayat-ayat Cinta* (Habirburahman El Shirazy, 2005), *Mahligai Cinta* (Sri Diah, 2006), *Antara Dua Persimpangan* (Siti Rozilah, 2002) dan *Ria Qistina* (Bikash Nur Idris, 2003) juga dimanfaatkan. Hal ini kerana ayat-ayat dalam novel mengandungi ayat-ayat perbualan sebenar yang biasanya digunakan oleh penutur jati bahasa Melayu dalam perbualan seharian. Kemudian, data yang dikumpul daripada bentuk yang sudah didigitalkan supaya dapat digunakan dengan perisian *Wordsmith*. Untuk tujuan menghasilkan ayat-ayat yang tidak gramatis data cuplikan daripada data korpus juga digunakan untuk mengenalpasti perlakuan sintaksis dan semantik.

3.1 Teknik pengumpulan data korpus berkomputer

Langkah pertama dalam pengumpulan data korpus berkomputer, data korpus dikumpul daripada akhbar elektronik *Utusan Malaysia Online* yang melibatkan tempoh sepanjang tahun 2008 hingga tahun 2010. Berdasarkan kutipan tersebut, kata *sudah* dan *telah* mencatatkan jumlah entri yang sama banyak iaitu 16000 entri. Berikut diperturunkan contoh ayat yang menggunakan kata *sudah* dan *telah* daripada hasil kutipan yang dijalankan:

Jadual 1. Contoh data korpus berkomputer bagi kata 'sudah' dan 'telah' dalam teks *Utusan Malaysia Online*, Januari hingga Disember 2008, 2009 dan 2010

Concord -[SUDAH:16000 entries sort (5L,5L)]						
N	Concordance	Set	Tag	Word No.	File	%
15982	Sepatutnya selepas enam tahun nama <i>sudah</i> boleh dinyahsenaraikan, tetapi CTOS tidak.					
	5,322,000		f:\korpus~1\ummuka~txt			39
Concord -[TELAH:16000 entries sort (5L,5L)]						
6	Proses pembelajaran yang dilalui oleh murid tahun 1 secara terancang dan sistematik <i>telah</i> mempengaruhi persekitaran bacaan asas murid tahun 1 tersebut.					
	857,068	2,543	564	f:\korpus~1\umrenc~txt		13




Rajah 1. Peratusan penggunaan kata 'sudah' dan 'telah' dalam akhbar *Utusan Malaysia Online* Januari hingga Disember 2008, 2009 dan 2010

Data daripada lima buah novel terpilih iaitu *Adam dan Hawa* (Aisya Sofia, 2005), *Ayat-ayat Cinta* (Habirburahman El Shirazy, 2005), *Mahligai Cinta* (Sri Diah, 2006), *Antara Dua Persimpangan* (Siti Rozilah, 2002) dan *Ria Qistina* (Bikash Nur Idris, 2003) mencatatkan sebanyak 1065 entri bagi kata *sudah* dan 492 entri bagi kata *telah*. Data tersebut diperturunkan seperti dalam Jadual 2.3 di bawah:

Jadual 2. Contoh Data Korpus Berkomputer bagi kata *sudah* dan *telah* dalam lima buah novel terpilih iaitu *Adam dan Hawa* (Aisya Sofia, 2005), *Ayat-ayat Cinta* (Habirburahman El Shirazy, 2005), *Mahligai Cinta* (Sri Diah, 2006) *Antara Dua* dan *Ria Qistina* (Bikash Nur Idris, 2003)

Concord -[SUDAH:1065 entries sort (5L,5L)]						
N	Concordance	Set	Tag	Word No.	File	%
19	Kami berlima <i>sudah</i> seperti saudara kandung.					
	1 324 f:\5 novel~ayat-a~1.txt					1
Concord -[TELAH:492 entries sort (5L,5L)]						
61	<i>Telah</i> kusumpah dalam hatiku, aku tak akan menghulurkan tangan kepada seorang gadis kecuali gadis itu yang menarik tanganku.					
	47 417 f:\5 novel~ayat-a~1.txt					53



Rajah 2. Peratus penggunaan kata 'sudah' dan 'telah' dalam lima novel terpilih

Langkah kedua, daripada data korpus berkomputer akhbar elektronik *Utusan Malaysia Online* dan lima buah novel terpilih itu akan melalui proses pengeditan data. Ayat-ayat yang diperolehi daripada data tersebut diedit dan diubahsuai kepada bentuk ayat nyata bahasa Melayu tanpa menjejaskan maksud dan struktur asal binaan ayat.

4.0 HASIL KAJIAN

Hasil penelitian ke atas data korpus mendapati bahawa kata 'sudah' secara keseluruhannya menunjukkan kadar penggunaan yang lebih tinggi berbanding dengan kata 'telah'. Kata 'sudah' mencatat 17,065 entri, manakala kata 'telah' mencatat sebanyak 16,462. Dengan andaian bahawa 'sudah' dan 'telah' adalah kata fleksi dalam tradisi TPP atau kata bantu aspek mengikut kebanyakan sarjana dalam literatur yang ditinjau, kajian ini menemukan beberapa peri laku sintaksis kedua-dua leksikal ini dari segi penyebarannya. Jadual yang berikut memaparkan secara ringkas beberapa dapatan yang menunjukkan ciri sintaksis dan semantik kata 'sudah' dan 'telah' sebagai penanda aspek, dan kata 'sudah' dengan pengertian yang berlainan seperti 'cukup', sebagai adverba dan kata hubung apabila bercantum dengan morfem lain.

Jadual 3. Kehadiran 'sudah' dan 'telah' bersebelahan dengan kata kerja

	Ciri-ciri	Sudah	Telah
1.	Hadir secara langsung sebelum K Kehadiran selepas K adalah tidak dibenarkan.	ya	ya
	Contoh Ayat	a. Saya <u>sudah</u> menghantar peraturan itu kepada mereka hari ini. b.*Saya menghantar <u>sudah</u> peraturan itu kepada mereka hari ini. c.*Saya menghantar peraturan itu kepada mereka hari ini <u>sudah</u> .	a. Beliau menyifatkan para pemainnya <u>telah</u> beraksi dengan cukup baik. b.*Beliau menyifatkan para pemainnya beraksi <u>telah</u> dengan cukup baik.
2.	Kadar keterbukaan untuk menerima kata nafi dan modalitas di antaranya dengan K	Ya dan lebih fleksibel dan banyak contoh	Ya tetapi sangat terbatas : hanya menerima 'dapat'
	Contoh Ayat	a. Mereka <u>sudah mahu</u> menyerika baju. b. Aku <u>sudah tidak mampu</u> untuk berkata-kata lagi.	a. Tetapi dengan sabar dan tenang dia <u>telah dapat</u> memberi perimbangan kepada galah dan timba-nya. b.Dalam menghadapi krisis politik di Sabah, Dr.Mahathir <u>telah tidak</u> campur tangan secara langsung.(hanya satu contoh drp korpus DBP)

Penyebaran 'sudah' dan 'telah' pada posisi yang ditemukan dalam Jadual 3 menunjukkan urutan yang dibenarkan dalam ayat penyata aktif BM. Posisi yang lain seperti selepas kata kerja sama ada dekat atau jauh tidak dibenarkan. Selain daripada itu, kehadiran 'sudah' dan 'telah' secara langsung sebelum kata kerja utama berkait rapat dengan ciri hakiki kata kerja yang memerlukan 'sudah' dan 'telah' sebagai pengungkap maklumat nahuan seperti ciri aspek dan modalitas/modus dalam ayat (Carnie, 2010; Tallerman, 1998; Ramli Salleh,1995).

Jadual 4. Kehadiran 'sudah' dan 'telah' bersebelahan dengan kata adjektif

	Ciri-ciri	Sudah	Telah
1.	Hadir secara langsung sebelum A	ya	ya
	Contoh Ayat	a. Kini semuanya sudah berubah, rakyat <u>sudah</u> tenang dan boleh berfikir. b.Majoriti rakyat Pakistan <u>sudah</u> bosan dengan pergolakan politik negara itu	a.Rumah papan yang <u>telah</u> uzur itu memang tidak setanding dengan keindahan lanskap dalaman
2.	'sudah' dan'telah' boleh digunakan silih berganti	ya	ya
	Contoh Ayat	a. Rumah papan yang <u>sudah</u> uzur itu memang tidak setanding dengan keindahan lanskap dalaman	a.Majoriti rakyat Pakistan <u>telah</u> bosan dengan pergolakan politik negara itu

Paparan Jadual 4 menunjukkan kata 'sudah' dan 'telah' boleh digunakan secara silih berganti apabila hadir bersebelahan dengan kata adjektif. Walau bagaimanapun, dalam paparan yang berikut ditemukan kejadian kata adjektif yang sudah bertukar menjadi adverba pada kedudukan

sebelum kata kerja. Dalam posisi sintaksis yang sedemikian, pertukaran silih berganti antara 'sudah dan 'telah' nampaknya tidak dibenarkan.

Jadual 5. Kehadiran 'sudah' dan 'telah' bersebelahan dengan kata adjektif yang berfungsi sebagai adverba

	Ciri-ciri	Sudah	Telah
1.	'sudah' dan 'telah' TIDAK boleh digunakan silih berganti Contoh Ayat	a. Gadis itu <i>sudah</i> <u>pandai</u> bermanja dengannya. (ayat asal)	a.*Gadis itu <i>telah</i> <u>pandai</u> bermanja dengannya.
		b. Anak kecilku yang berusia 5 bulan itu <i>sudah</i> <u>bijak</u> mengenali mama dan papanya. (Ayat asal)	b.*Anak kecilku yang berusia 5 bulan itu telah <u>bijak</u> mengenali mama dan papanya.
2.	'sudah' dan 'telah' BOLEH digunakan silih berganti Contoh Ayat (hanya 2 contoh ditemukan dlm korpus DBP)	a. Sudah lama aku tidak merasainya. b. Penjajah sudah lama pergi diusir keluar.	a. Telah lama aku tidak merasainya. (ayat asal DBP) b. Penjajah telah lama pergi diusir keluar. (ayat asal DBP)

Jadual 6. Kehadiran partikel 'lah' hanya pada 'sudah', tidak pada 'telah' sebagai penegas. Kata 'sudah' masih sebagai penanda aspek

	Ciri-ciri	Sudah
1.	Kehadiran 'lah' sebagai penegas kepada kata 'sudah' yang masih lagi sebagai penanda aspek	a. Walau bagaimana pun, teman wanita Bedul seperti yang janjikan itu sudah-lah datang. b. Maka tatkala sudah-lah sampai segala teman2 itu ka-atas bukit, maka turun-lah ia dari atas kuda-nya mereka itu serta bersembunyi-lah masing2 kepada suatu tempat

Jadual 7 dan 8 memaparkan kejadian kata 'sudah' yang menerima partikel 'lah' tiada sebarang kejadian 'telahlah' ditemukan. Kajian ini mendapati bahawa apabila partikel 'lah' hadir bersama-sama dengan kata 'sudah' nampaknya berlaku perubahan dari segi semantik, sintaksis dan morfologi.

Jadual 7. Kehadiran partikel 'lah' hanya pada 'sudah', tidak pada 'telah' dalam ayat penyata aktif

	Ciri-ciri	Sudah
1.	Kata 'sudah' membawa maksud 'cukup' dan kehadiran 'lah' sebagai pelunak /pelembut	a. <i>Sudahlah</i> kau jangan memikirkan hal yang terlalu jauh. b. <i>Sudahlah</i> , mudah-mudahan doa awak berjaya. c. " <i>Sudahlah</i> , jangan diingat lagi perkara yang lepas," kata Pak Janggut. d. Kata mereka: "Buatlah apa saja yang cikgu rasakan perlu, asalkan jangan patah kaki dan tangan <i>sudahlah</i> " Sampai begitu sekali kepercayaan ibu bapa kepada guru pada zaman dulu. e. Asal anak mak cik kenang jasa mak cik pun <i>sudahlah</i> .
2.	Kehadiran 'lah' membentuk leksem , iaitu kata hubung berkait 'sudahlah...pula'	a. Barang yang ada <i>sudahlah</i> sedikit, lapuk pula. b. <i>Sudahlah</i> kehilangan tempat bergantung, kini terpaksa pula keluar dari rumah keluarga mentua. c. <i>Sudahlah</i> dia masuk tanpa diundang, kerjanya pula hendak mencampuri dan mengongkong hal-hal yang bukan urusannya.

Jadual 8 menunjukkan kata 'sudah' bergabung dengan kata modalitas 'tentu' dan 'pasti' untuk membentuk adverba kompleks bagi menerangkan keseluruhan ayat atau kata kerja atau keadaan.

Jadual 8. Kehadiran kata modalitas *tentu* /*pasti* bergabung dengan kata 'sudah', membentuk kata adverba kompleks

	Ciri-ciri	Sudah + tentu / pasti	Telah
1.	<i>Sudah</i> + tentu / pasti → adverba Telah + tentu/pasti TIDAK membentuk adverba	a. Kalaulah hempedu itu dapat melenyapkan kekecewaan itu <i>sudah</i> tentu aku telan sebanyak mana pun.	a. *Kalaulah hempedu itu dapat melenyapkan kekecewaan itu <i>sudah</i> tentu aku telan sebanyak mana pun.
		a. <i>Sudah</i> pasti dia tidak akan dapat Si Qis tu.	a. * <i>Sudah</i> pasti dia tidak akan dapat Si Qis tu.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini cuba memberikan penjelasan secara ilmiah dan teoretis tentang perlakuan sintaksis dan semantik kata *sudah* dan *telah* dalam ayat penyata bahasa Melayu. Kata *sudah* dan *telah* sebenarnya mengandungi ciri-ciri yang berbeza dalam kedua-dua aspek yang di kaji iaitu sintaksis dan semantik bahasa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa kata *sudah* dari segi sintaksisnya selain boleh diikuti oleh kata kerja, ianya juga boleh diikuti oleh kata nama, kata kerja adjektif, kata modalitas. Manakala kata *telah* hanya boleh diikuti oleh satu jenis kata sahaja iaitu kata kerja.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*: Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asyia Sofia. (2005). *Adam dan Hawa*. Kuala Lumpur: Alaf 21.
- Bambang Kaswanti Purwo (1981). *Menelusuri Perbezaan Antara Kata Telah dan Sudah*. Jurnal Dewan Bahasa 59-64.
- Bambang Kaswanti Purwo (1984). *Deiksis dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Bikash Nur Idris. (2003). *Ria Qistina*. Kuala Lumpur: Alaf 21
- Carnie, A. (2002). *Syntax: A Generative Introduction*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Comrie, B. (1976). *Aspect*. New York. Cambridge University Press.
- Comsky, N. (1986). *Knowledge of Language: Its Nature, Origin, and Use*. New York: Praeger Publishers.
- Gan Kok Siong. (1991). *Kata Kerja Bantu dalam Sintaksis Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Habirburahman El Shirazy. (2005). *Ayat-ayat Cinta*. Kuala Lumpur: Alaf 21
- Ramli Md. Salleh. (1995). *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rozilah. (2002). *Antara Dua Persimpangan*. Kuala Lumpur: Alaf 21
- Sri Diah. (2006). *Mahligai Cinta*. Kuala Lumpur: Alaf 21
- Tallerman, M. (1998). *Understanding Syntax*. London: Arnold Publishers.
- Zeno Vendler. (1967). *Linguistics in Philosophy*. Ithaca, New York: Cornell University Press.